

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI (DUNGUN)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]** minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perancangan untuk membaik pulih Jalan Persekutuan Jerangau-Jabor yang telah rosak sejak kebelakangan ini bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah panjang Jalan **Persekutuan Jerangau – Jabor FT14 di Daerah Dungun** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang **61.30 km**. Pada tahun 2021 Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak **RM1.2 juta setahun bagi penyenggaraan rutin** dan sebanyak **RM6.84 juta** bagi kerja-kerja **penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui Arahan Kerja (AK)**. Kerja-kerja penyenggaraan tersebut melibatkan **enam (6) kerja berkala pavemen dan enam (6) kerja berkala bukan pavemen** yang mana telah **disiapkan sepenuhnya**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhomat, bagi tahun 2022, Kementerian Kerja Raya telah **merancang sebanyak 5 bilangan kerja pembaikan jalan di bawah program penyenggaraan berkala pavemen dengan nilai keseluruhan kerja sebanyak RM5.24 juta**. Kerja - kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.